

31/08/1997

PM yakin pasaran saham pulih

Zulkofli Jamaludin; Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pasaran saham akan pulih dalam tempoh seminggu berikutan keputusan kerajaan mengarahkan institusi dana tempatan memasuki pasaran secara aktif.

Sambil meminta semua pihak bersatu dan bertindak bersama bagi mengekang krisis kewangan dan pasaran saham, Perdana Menteri berkata, masalah itu tidak seharusnya dihadapi dengan kekecewaan, sebaliknya rakyat harus menganggapnya sebagai cabaran yang akan memberi kekuatan dan pengajaran kepada negara.

"Kita mesti bekerja lebih kuat supaya kita menjadi produktif. Jangan pula kita menyertai kegiatan mencari keuntungan daripada masalah yang dihadapi negara.

"Sebaliknya, semua pihak patut menolong memulihkan ekonomi dengan membeli saham apabila harganya turun dan tidak menjualnya. Demikian juga dengan ringgit, jangan kita turut membuat spekulasi dan tolong menurunkan nilainya. Jika nilai ringgit turun, kita semua tetap menjadi mangsa," katanya.

Merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-44 di sini, semalam, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata serangan ke atas ringgit dan manipulasi pasaran saham sudah pun menyebabkan hutang negara dalam mata wang asing naik sepuluh 10 peratus atau lebih.

Perdana Menteri berkata, kegiatan meraih keuntungan itu turut melenyapkan lebih RM400 bilion dari pasaran modal dan mengurangkan kekayaan negara lebih sepuluh peratus.

Pendapatan per kapita rakyat pula, katanya, turun RM11,760 berbanding RM12,880 tahun lalu.

Menurut beliau, apa yang berlaku membuktikan dunia tanpa sempadan boleh menjadi hutan liar yang penuh dengan binatang buas dan Malaysia sebagai negara kecil tidak dapat menutup sempadannya.

"Selepas mendapat keuntungan sekian lama daripada kemajuan negara kita, mereka sekarang cuba meruntuhkan ekonomi kita dengan menyerang ringgit dan pasaran saham.

"Kita buka negara kepada pelabur asing supaya mereka juga boleh mendapat keuntungan daripada kemajuan ekonomi kita kerana percaya dan mengamalkan demokrasi serta sistem ekonomi pasaran," katanya.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, semua pihak di negara ini perlu bersatu bagi menghadapi masalah kewangan dan pasaran saham yang disebabkan pelabur asing.

Ingatan itu turut diulangi Perdana Menteri sewaktu menyampaikan perutusan Hari Kebangsaan, malam semalam.

Dalam perutusan itu, Dr Mahathir kecewa dengan sikap sesetengah rakyat di negara ini yang mendapat banyak nikmat hasil pertumbuhan ekonomi yang diusahakan kerajaan, begitu senang hati melihat orang asing membelasah ekonomi Malaysia.

"Seolah-olah kita salah apabila menyalahkan spekulasi. Kita tidaklah begitu jahil. Kerajaan berjaya juga membangunkan negara ini. Justeru, sedikit kepercayaan harus diberikan kepada kerajaan," katanya.

(END)